

Program '3M' dekati pelajar

KUALA LUMPUR 15 April – Program khas 'Menyelami Minda Muda' (3M) akan menjadi platform kepada mahasiswa untuk menyuarakan pandangan serta idea secara terus kepada kerajaan.

Pendekatan itu diperkenalkan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifudin Abdullah (**gambar**) sebagai salah satu pendekatan untuk mendekati pelajar institusi pengajian tinggi.

Beliau berharap dengan adanya program tersebut, mahasiswa tidak lagi berhadapan dengan dinding birokrasi dan sekatan yang membantutkan proses komunikasi mereka dan pemimpin negara.

Jelanya, program tersebut menawarkan pendekatan berbeza kerana objektif utamanya adalah untuk melihat kehidupan sebenar mahasiswa tanpa sebarang protokol.

"Saya akan membuat lawatan mengejut ke semua 20 institut pengajian tinggi awam (IPTA) dengan pelbagai pendekatan yang lebih mesra supaya mereka berasa lebih dekat dengan kita," katanya kepada pemberita di Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam.

Beliau yang melakukan lawatan me-



ngejut ke universiti tersebut turut mengunjungi bilik-bilik kediaman pelajar dan meluangkan masa berbual serta makan tengah hari bersama mereka.

Lawatan ke UPM itu adalah yang pertama di bawah Program 3M dan merupakan gerak kerja sulung yang dilakukannya sebaik memegang jawatan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi.

Turut mengiringi beliau ialah Timbalan Naib Canselor UPM, Profesor Azali Mohamed dan Pengetua Kolej Tun Dr. Ismail, Rashid Abdullah.

Menyentuh lawatan pada hari itu,

beliau amat berpuas hati dengan respons yang diberikan oleh pelajar.

"Kebanyakan pelajar yang ditemui tanpa segan silu memberikan pandangan mereka mengenai kerajaan masa kini dan mereka juga kelihatan ceria ketika berbual, saya anggap ia satu petanda positif," jelasnya.

Dalam masa yang sama, Saifudin memaklumkan pelajar-pelajar IPTA dan belia boleh berinteraksi secara terus dengannya di laman web *Facebook*.

"Penggunaan laman web *Facebook* ini amat efisien kerana generasi muda pada hari ini mahukan interaksi yang lebih cepat dan pantas.

"Malah saya sendiri telah memperuntukkan masa setiap hari Rabu minggu pertama dan ketiga pada setiap bulan untuk berinteraksi dengan pengguna *Facebook* iaitu pada pukul 10 hingga 11 malam," ujarnya.

Ditanya mengenai Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU), beliau berpendapat masih terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki.

"Biarpun AUKU sudah dipinda, namun saya belum berpuas hati. Tambahan pula ini adalah salah satu perjuangan saya semasa menjadi pemimpin belia satu masa dahulu," katanya.